

PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN GURU PRASEKOLAH DALAM MELAKSANAKAN PENDEKATAN PEMBELAJARAN TERBEZA

Knowledge and skills of preschool teachers in implementing a differentiated learning approach

Kancanawati Kamar¹, Intan Farahana Abdul Rani*

Fakuliti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan,
35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia

*Corresponding author: intanfarahana@fpm.upsi.edu.my

Published: 18 April 2024

To cite this article (APA): Kamar, K., & Abdul Rani, I. F. (2024). Pengetahuan dan Kemahiran Guru Prasekolah dalam melaksanakan pendekatan pembelajaran terbeza. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 17(1), 82–93. <https://doi.org/10.37134/bitara.vol17.1.8.2024>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/bitara.vol17.1.8.2024>

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan dan tahap kemahiran guru prasekolah dalam melaksanakan pendekatan pembelajaran terbeza. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan. Pemilihan sampel kajian dijalankan secara persampelan rawak mudah dan seramai 45 orang guru prasekolah di Daerah Beluran, Sabah dipilih menjadi sampel kajian. Kajian ini menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian bagi pengumpulan data. Borang soal selidik ini mengandungi tiga bahagian iaitu demografi, pengetahuan dan kemahiran guru prasekolah dalam melaksanakan pendekatan pembelajaran terbeza. Data dianalisis menggunakan analisis deskriptif dan analisis inferensi. Analisis deskriptif digunakan untuk menjelaskan tahap pengetahuan dan tahap kemahiran guru prasekolah dalam melaksanakan pendekatan pembelajaran terbeza. Analisis inferensi digunakan untuk menerangkan tentang hubungan antara pemboleh ubah iaitu hubungan antara tahap pengetahuan dengan tahap kemahiran guru prasekolah dalam melaksanakan pendekatan pembelajaran terbeza. Hasil dapatan kajian bagi tahap pengetahuan guru prasekolah dalam melaksanakan pendekatan pembelajaran terbeza adalah berada di tahap tinggi dengan nilai ($\text{min}=4.11$, $\text{SP}=0.804$). Manakala bagi tahap kemahiran guru prasekolah dalam melaksanakan pendekatan pembelajaran terbeza adalah berada di tahap tinggi dengan nilai ($\text{min}=3.98$, $\text{SP}=0.812$). Dapatkan kajian analisis kolerasi menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang sederhana positif antara tahap pengetahuan dengan tahap kemahiran guru prasekolah dalam melaksanakan pendekatan pembelajaran terbeza dengan nilai ($r=0.524$, $p<0.01$). Secara keseluruhannya, kajian ini telah menggambarkan bahawa guru-guru prasekolah di daerah Beluran, Sabah mempunyai tahap pengetahuan dan tahap kemahiran yang tinggi. Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa semakin tinggi pengetahuan guru, maka semakin tinggi kemahiran guru dalam melaksanakan pendekatan pembelajaran terbeza.

Kata kunci: Pendekatan, Pembelajaran, Terbeza, Pengetahuan, Kemahiran, Guru Prasekolah.

ABSTRACT

This study was conducted to identify the level of knowledge and skill level of preschool teachers in implementing differentiated learning approaches. This study uses a quantitative approach with a survey design. The selection of the study sample was carried out by simple random sampling and a total of 45 preschool teachers in Beluran District, Sabah were selected as the study sample. This study uses a questionnaire as a research instrument for data collection. This questionnaire contains three parts, namely demographics, knowledge and skills of preschool teachers in implementing differentiated learning approaches. Data were analyzed using descriptive analysis and inferential analysis. Descriptive analysis is used to explain the level of knowledge and skill level of preschool

teachers in implementing differentiated learning approaches. Inferential analysis is used to explain the relationship between variables, which is the relationship between the level of knowledge and the skill level of preschool teachers in implementing differentiated learning approaches. The results of the study for the level of knowledge of preschool teachers in implementing a differentiated learning approach is at a high level with a value (mean=4.11, SD=0.804). While the skill level of preschool teachers in implementing differentiated learning approaches is at a high level with values (mean=3.98, SD=0.812). The results of the correlation analysis study show that there is a moderately positive relationship between the level of knowledge and the level of skills of preschool teachers in implementing a value-differentiated learning approach ($r=0.524$, $p<0.01$). Overall, this study has illustrated that preschool teachers in the district Beluran, Sabah has a high level of knowledge and skills. The implications of this study show that the higher the teacher's knowledge, the higher the teacher's skill in implementing differentiated learning approaches.

Keywords: Differentiated, Learning, Approach, Knowledge, Skills, Preschool, Teachers

PENGENALAN

The National Association for The Education of Young Children (NAEYC, 2020) atau Pertubuhan Kebangsaan bagi Kanak-Kanak Muda mendefinisikan bahawa pendidikan awal kanak-kanak adalah program yang menyediakan asuhan, didikan dan bimbingan kepada kanak-kanak dari lahir hingga umur lapan tahun. NAEYC telah merancang program-program pendidikan awal kanak-kanak supaya dapat merangsang pembelajaran dan perkembangan kanak-kanak. Hal ini jelas membuktikan bahawa pendidikan awal kanak-kanak merupakan bentuk pelaburan awal yang menyediakan pendidikan awal kepada kanak-kanak untuk berkembang mengikut potensi yang ada dalam diri kanak-kanak.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM) telah dibangunkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sebagai inisiatif untuk mewujudkan pendidikan berkualiti tinggi. Fokus utama PPPM adalah untuk melahirkan modal insan yang berdaya saing dan sentiasa berusaha mengembangkan potensi diri agar dapat memenuhi keperluan dan pembangunan negara pada masa hadapan. Penguasaan terhadap Pembelajaran Abad ke-21 (PAK21), menjadi laluan utama kepada sistem pendidikan yang lebih relevan dan responsif selaras dengan tuntutan global dan kemajuan negara.

Pada tahun 2019, pihak KPM telah melaksanakan perubahan dengan menghapuskan sistem *streaming class* yang menekankan kepada pencapaian akademik murid. Sebagai alternatif, semua murid ditempatkan dalam satu kelas yang sama agar murid-murid ini dapat mengikuti pembelajaran yang bersesuaian dengan potensi serta kemampuan murid masing-masing (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018). Keputusan yang dilaksanakan oleh KPM merupakan usaha yang wajar disokong kerana dapat membawa perubahan positif dalam sistem pendidikan khususnya, meningkatkan perkembangan secara holistik kepada murid-murid.

Kepelbagaiannya murid adalah penting untuk diraikan dan dihargai oleh guru kerana kepelbagaiannya murid adalah sesuatu yang unik dan istimewa (Hamir & Mohamad Hilmi, 2019). Persekitaran yang positif dapat meningkatkan semangat murid untuk belajar kerana guru dapat memahami kepelbagaiannya murid yang berbeza. Berbekalkan dengan maklumat yang diperolehi guru dapat merancang pendekatan pembelajaran yang bersesuaian dengan keperluan murid-murid yang berbeza.

Pendekatan pembelajaran terbeza merupakan pendekatan pembelajaran yang menekankan kepada keperluan murid yang berbeza (Zurina Mustaffa et al., 2021). Guru perlu mengenali dan memahami kepelbagaiannya murid yang berbeza dari aspek minat, tahap pencapaian akademik dan latar belakang keluarga. Dengan memahami kepelbagaiannya dan perbezaan murid ini, guru boleh merancang strategi pengajaran yang bersifat inklusif dan responsif agar semua murid mendapat peluang yang sama untuk belajar. Oleh yang demikian, pendekatan pembelajaran terbeza ini memfokuskan kepada keadilan dalam pendidikan dengan memastikan setiap murid dapat mengembangkan potensi mereka tanpa mengabaikan perbezaan individu yang ada.

PENYATAAN MASALAH

Pelaksanaan pendekatan pembelajaran terbeza dalam kalangan guru prasekolah masih kurang diberi perhatian yang sewajarnya. Pendekatan pembelajaran terbeza ini kurang dilaksanakan oleh guru walaupun pendekatan ini telah diperkenalkan sejak tahun 2018 (Nuraishatun et al., 2019). Kemungkinan besar pengetahuan guru prasekolah masih kurang disebabkan mereka tidak memahami konsep dan elemen-elemen yang ditekankan dalam pendekatan pembelajaran terbeza. Kesannya, guru tidak dapat merancang dan melaksanakan pembelajaran terbeza di kepada murid prasekolah.

Kajian oleh Mazura dan Wak Chu (2018), menunjukkan bahawa sebanyak 80% guru tidak memiliki pengetahuan yang terhadap pendekatan pembelajaran terbeza. Hal ini jelas membuktikan bahawa majoriti pengetahuan guru adalah berada di tahap yang rendah. Kebanyakan guru yang tidak mempunyai pengetahuan dan pemahaman mengenai pembelajaran terbeza. Guru kurang mendapat pendedahan atau kursus yang berkaitan dengan pendekatan pembelajaran terbeza. Hal ini menunjukkan bahawa guru tidak mendapat sokongan yang mencukupi terutama dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran terhadap pelaksanaan pendekatan pembelajaran terbeza.

Kajian oleh Bondie et al. (2019), mendapati bahawa pendekatan pengajaran yang bersifat “*one size fits all*” adalah kurang relevan untuk dijalankan di kelas dengan kehadiran murid yang pelbagai. Merujuk kepada situasi tersebut, guru menggunakan pembelajaran yang sama kepada semua murid tanpa mengambil kira keperluan setiap murid. Semasa sesi pembelajaran disampaikan ketidakseimbangan dalam penerimaan hasil pembelajaran akan berlaku kerana pendekatan yang digunakan tidak dapat memenuhi keperluan murid yang berbeza.

Menurut Baharudin dan Ibrahim (2020), mendapati bahawa terdapat segelintir guru yang masih mengamalkan pengajaran konvensional dengan konsep “*Chalk and Talk*” tanpa menitikberatkan kepelbagaian dan keperluan murid yang berbeza. Hal ini menjadi cabaran dalam usaha untuk menyeru guru prasekolah untuk menjalankan pendekatan pembelajaran terbeza. Kaedah pengajaran sedemikian adalah kurang sesuai untuk diaplikasikan kepada setiap murid. Hal ini demikian kerana, guru tidak dapat menyesuaikan kaedah pengajaran dengan gaya pembelajaran murid yang berbeza dan hal ini mengakibatkan murid mungkin berasa terpinggir serta mengalami kesukaran dalam memahami pembelajaran yang disampaikan oleh guru.

Tahap pengetahuan dan tahap kemahiran guru prasekolah adalah menjadi fokus utama dalam kajian ini. Pengetahuan asas yang dimiliki oleh guru terhadap pendekatan pembelajaran terbeza dapat diaplikasikan dalam proses pembelajaran murid-murid prasekolah. Meskipun guru mempunyai pengetahuan mengenai pendekatan pembelajaran terbeza namun terdapat juga cabaran yang dihadapi oleh guru khususnya berkaitan dengan pemilihan kandungan pelajaran yang digunakan untuk disesuaikan dengan keperluan murid prasekolah. Dalam pada itu, guru yang mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi tentang pendekatan pembelajaran terbeza turut berhadapan dengan cabaran untuk menjalankan pendekatan ini, terutamanya bagi guru baharu walaupun mereka telah diberi latihan (Vijayan, 2022).

OBJEKTIF

Kajian ini bertujuan untuk mencapai objektif berikut:

- i. Mengenal pasti tahap pengetahuan guru prasekolah dalam melaksanakan pendekatan pembelajaran terbeza.
- ii. Mengenal pasti tahap kemahiran guru prasekolah dalam melaksanakan pendekatan pembelajaran terbeza
- iii. Mengenal pasti sama ada terdapat hubungan signifikan antara tahap pengetahuan dengan tahap kemahiran guru prasekolah dalam melaksanakan pendekatan pembelajaran terbeza.

METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan kerana bersesuaian dengan keperluan kajian bagi mendapatkan maklumat berkaitan tahap pengetahuan dan tahap kemahiran guru prasekolah.

Sampel Kajian

Persampelan rawak mudah digunakan untuk memilih 45 orang guru prasekolah yang mengajar di Daerah Beluran, Sabah dipilih menjadi sampel kajian.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian utama yang digunakan bagi mengumpulkan data adalah menggunakan borang soal selidik yang dijana melalui platform *Google Form*. Borang soal selidik dibina bagi mengenal pasti tahap pengetahuan dan tahap kemahiran guru prasekolah dalam melaksanakan pendekatan pembelajaran terbeza. Penggunaan *Google Form* dapat memudahkan pengisian maklumat, pengumpulan data, mengakses dan menganalisis data secara sistematik.

Analisis Data

Proses analisis data melibatkan kaedah statistik kuantitatif iaitu analisis deskriptif dan analisis inferensi. Analisis deskriptif digunakan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan dan tahap kemahiran guru prasekolah dalam melaksanakan pendekatan pembelajaran terbeza dengan mencari peratus, kekerapan, min dan sisihan piawai. Manakala analisis inferensi ujian kolerasi *Pearson (r)* digunakan untuk mengenal pasti jika terdapat hubungan antara tahap pengetahuan dan tahap kemahiran guru prasekolah dalam melaksanakan pendekatan pembelajaran terbeza.

DAPATAN KAJIAN

Hasil dapatan kajian bagi tahap pengetahuan dan tahap kemahiran guru prasekolah dalam melaksanakan pendekatan pembelajaran terbeza adalah meliputi elemen kandungan, proses, produk dan persekitaran. Hasil analisis deskriptif bagi tahap pengetahuan guru prasekolah dalam melaksanakan pendekatan pembelajaran terbeza adalah ditunjukkan seperti dalam Jadual 1 dan Jadual 2. Bagi hasil analisis deskriptif tahap kemahiran guru prasekolah dalam melaksanakan pendekatan pembelajaran terbeza adalah ditunjukkan seperti dalam Jadual 3 dan Jadual 4. Manakala bagi analisis inferensi hubungan antara tahap pengetahuan dan tahap kemahiran guru prasekolah dalam melaksanakan pendekatan pembelajaran terbeza adalah ditunjukkan seperti dalam Jadual 5 dan Jadual 6.

Jadual 1 Keputusan Kekerapan dan Peratus Tahap Pengetahuan Guru Prasekolah Dalam Melaksanakan Pendekatan Pembelajaran Terbeza

Item	Kekerapan (N), Peratus (%)				
	Sangat Tidak Setuju (1)	Tidak Setuju (2)	Tidak Pasti (3)	Setuju (4)	Sangat Setuju (5)
Saya mengetahui setiap murid mempunyai gaya pembelajaran yang berbeza.				24 (53.3%)	21 (46.7%)
Saya mengetahui kepentingan pemilihan kandungan yang sesuai dalam pendekatan pembelajaran terbeza.		2 (4.4%)		21 (46.7%)	22 (48.9%)
Saya mengetahui bagaimana untuk membuat penilaian terhadap keberkesanannya kandungan pembelajaran yang telah disesuaikan mengikut keperluan murid.			4 (8.9%)	25 (55.6%)	16 (35.6%)
Saya mengetahui sumber-sumber tambahan pembelajaran yang boleh digunakan dalam pendekatan pembelajaran terbeza.			4 (8.9%)	25 (55.6%)	16 (35.6%)
Saya mengetahui kepentingan memberi peluang kepada murid untuk memproses kemahiran yang diperkenalkan dalam pendekatan pembelajaran terbeza.			3 (6.7%)	21 (46.7%)	21 (46.7%)
Saya mengetahui strategi yang digunakan untuk melibatkan murid memproses kandungan pembelajaran secara aktif dalam pendekatan pembelajaran terbeza.			7 (15.6%)	21 (46.7%)	17 (37.8%)
Saya mengetahui langkah-langkah yang perlu dilakukan sekiranya saya mendapati murid menghadapi kesukaran untuk memproses kandungan pembelajaran dalam pendekatan pembelajaran terbeza.	2 (4.4%)		4 (8.9%)	22 (48.9%)	17 (37.8%)
Saya mengetahui bagaimana memastikan pemprosesan kandungan pembelajaran dapat mengembangkan kemahiran murid dalam pendekatan pembelajaran terbeza.		1 (2.2%)		24 (53.3%)	16 (35.6%)
Saya mengetahui bagaimana untuk memberi pilihan kepada murid bagi menentukan cara mereka menunjukkan penguasaan dalam pendekatan pembelajaran terbeza.	2 (4.4%)		4 (8.9%)	24 (53.3%)	15 (33.3%)
Saya mengetahui bagaimana untuk menilai produk-produk yang dihasilkan oleh murid dalam pendekatan pembelajaran terbeza.	2 (4.4%)		6 (13.3%)	22 (48.9%)	15 (33.3%)
Saya mengetahui bagaimana untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang inklusif kepada murid dalam pendekatan pembelajaran terbeza.	2 (4.4%)		4 (8.9%)	24 (53.3%)	15 (33.3%)
Saya mengetahui bagaimana untuk menyusun atur ruang fizikal di dalam kelas bagi memenuhi keperluan murid dalam pendekatan pembelajaran terbeza.	2 (4.4%)		2 (4.4%)	21 (46.7%)	20 (44.4%)

Berdasarkan Jadual 1, data menunjukkan kekerapan jawapan responden terhadap item-item yang berkaitan dengan tahap pengetahuan guru dalam melaksanakan pendekatan pembelajaran terbeza, dapat disimpulkan bahawa semua responden telah memberi penilaian yang positif. Sebanyak 53.3% responden sangat setuju bahawa mereka mengetahui setiap murid mempunyai gaya pembelajaran yang berbeza. Seterusnya, terdapat sebahagian besar responden yang menyatakan pengetahuan mereka tentang kepentingan memilih kandungan yang sesuai dalam menjalankan pendekatan pembelajaran terbeza, strategi untuk melibatkan murid dengan aktif dan langkah-langkah dalam membantu murid untuk menangani kesukaran dalam memproses kandungan pembelajaran. Namun demikian, terdapat beberapa responden yang memberi penilaian yang lebih rendah. Secara keseluruhannya, data menunjukkan guru-guru prasekolah mempunyai pemahaman dan kesedaran yang baik terhadap aspek-aspek yang diperlukan bagi menjalankan pendekatan pembelajaran terbeza kepada murid prasekolah.

Jadual 2 Keputusan Min dan Sisihan Piawai Tahap Pengetahuan Guru Prasekolah Dalam Melaksanakan Pendekatan Pembelajaran Terbeza

Item	N	Skor Min	Sisihan Piawai	Interprestasi
Saya mengetahui setiap murid mempunyai gaya pembelajaran yang berbeza.	45	4.47	0.505	Sangat Tinggi
Saya mengetahui kepentingan pemilihan kandungan yang sesuai dalam pendekatan pembelajaran terbeza.	45	4.44	0.586	Sangat Tinggi
Saya mengetahui bagaimana untuk membuat penilaian terhadap keberkesanan kandungan pembelajaran yang telah disesuaikan mengikut keperluan murid.	45	4.27	0.618	Tinggi
Saya mengetahui sumber-sumber tambahan pembelajaran yang boleh digunakan dalam pendekatan pembelajaran terbeza.	45	4.27	0.618	Tinggi
Saya mengetahui kepentingan memberi peluang kepada murid untuk memproses kemahiran yang diperkenalkan dalam pendekatan pembelajaran terbeza.	45	4.40	0.618	Sangat Tinggi
Saya mengetahui strategi yang digunakan untuk melibatkan murid memproses kandungan pembelajaran secara aktif dalam pendekatan pembelajaran terbeza.	45	4.22	0.704	Tinggi
Saya mengetahui langkah-langkah yang perlu dilakukan sekiranya saya mendapati murid menghadapi kesukaran untuk memproses kandungan pembelajaran dalam pendekatan pembelajaran terbeza.	45	4.20	0.786	Tinggi
Saya mengetahui bagaimana memastikan pemrosesan kandungan pembelajaran dapat mengembangkan kemahiran murid dalam pendekatan pembelajaran terbeza.	45	4.22	0.704	Tinggi
Saya mengetahui bagaimana untuk memberi pilihan kepada murid bagi menentukan cara mereka menunjukkan penguasaan dalam pendekatan pembelajaran terbeza.	45	4.16	0.767	Tinggi
Saya mengetahui bagaimana untuk menilai produk-produk yang dihasilkan oleh murid dalam pendekatan pembelajaran terbeza.	45	4.11	0.804	Tinggi
Saya mengetahui bagaimana untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran yang inklusif kepada murid dalam pendekatan pembelajaran terbeza.	45	4.16	0.767	Tinggi
Saya mengetahui bagaimana untuk menyusun atur ruang fizikal di dalam kelas bagi memenuhi keperluan murid dalam pendekatan pembelajaran terbeza.	45	4.31	0.763	Sangat Tinggi

Berdasarkan Jadual 2, bagi tahap pengetahuan guru prasekolah dalam melaksanakan pendekatan pembelajaran terbeza di daerah Beluran, Sabah secara keseluruhannya data menunjukkan bahawa tahap pengetahuan guru prasekolah adalah berada di tahap yang tinggi (min=4.11: sp=0.804). Tahap pengetahuan yang tinggi ini menggambarkan bahawa guru-guru prasekolah di daerah Beluran, Sabah memiliki pemahaman dan kesedaran yang baik terhadap konsep dan amalan pelaksanaan pendekatan pembelajaran terbeza. Nilai skor min yang rendah dan nilai sisihan piawai yang paling tinggi membuktikan bahawa guru-guru prasekolah mempunyai tahap pengetahuan yang mencukupi untuk mempraktikkan pendekatan pembelajaran terbeza kepada murid prasekolah.

Jadual 3 Keputusan Kekerapan dan Peratus Tahap Kemahiran Guru Prasekolah Dalam Melaksanakan Pendekatan Pembelajaran Terbeza

Item	Kekerapan (N), Peratus (%)				
	Sangat Setuju (1)	Tidak Setuju (2)	Tidak Pasti (3)	Setuju (4)	Sangat Setuju (5)
Saya mahir merancang aktiviti pembelajaran yang berbeza mengikut keperluan murid.	2 (4.4%)	5 (11.1%)	27 (60.0%)	11 (24.4%)	
Saya mahir untuk mengenal pasti tahap akademik murid sebelum menjalankan pendekatan pembelajaran terbeza.		2 (4.4%)	29 (64.4%)	14 (31.1%)	
Saya memberi peluang kepada murid untuk memilih gaya pembelajaran yang diminati.	1 (2.2%)	1 (2.2%)	5 (11.1%)	27 (60.0%)	11 (24.4%)
Saya mahir untuk memberikan panduan kepada murid semasa menjalankan aktiviti bagi menunjukkan penguasaan terhadap topik			2 (4.4%)	33 (73.3%)	10 (22.2%)
Saya mahir untuk memberikan arahan kepada murid mengikut tahap kandungan yang diberikan.			2 (4.4%)	31 (68.9%)	12 (26.7%)
Saya mahir menilai perkembangan murid yang berbeza.			3 (6.7%)	31 (68.9%)	11 (24.4%)
Saya mahir memilih bahan pengajaran yang bersesuaian dengan kandungan bagi melaksanakan pendekatan pembelajaran terbeza.			3 (6.7%)	30 (66.7%)	12 (26.7%)
Saya mahir mewujudkan suasana persekitaran pembelajaran yang menyokong pendekatan pembelajaran terbeza.		2 (4.4 %)	6 (13.3%)	28 (62.2%)	9 (20.0%)
Saya mahir mengenal pasti keperluan murid dengan objektif pembelajaran yang dijalankan			2 (4.4%)	33 (73.3%)	10 (22.2%)
Saya mahir menggunakan strategi pembelajaran terbeza (contoh: pembelajaran koperatif, pembelajaran berdasarkan projek).		1 (2.2%)	3 (6.7%)	32 (71.1%)	9 (20.0%)
Saya mahir menggunakan kaedah pentaksiran untuk mengenal pasti perkembangan semasa menjalankan pembelajaran terbeza.			3 (6.7%)	30 (66.7%)	12 (26.7%)
Saya mampu bekerjasama dengan rakan sekerja untuk bertukar idea bagi			3 (6.7%)	30 (66.7%)	12 (26.7%)

bersambung

melaksanakan pendekatan pembelajaran terbeza.

Berdasarkan Jadual 3, bagi analisis data kekerapan dan peratus guru terhadap setiap item soal selidik ini, secara keseluruhannya data menunjukkan bahawa majoriti semua guru prasekolah mempunyai penilaian positif terhadap kemahiran mereka dalam menjalankan pendekatan pembelajaran terbeza. Data menunjukkan bahawa sebanyak 60.0% hingga 73% daripada responden memilih setuju dan sangat setuju terhadap melakukan perancangan aktiviti pembelajaran yang berbeza mengikut keperluan murid, mereka juga dapat mengenal pasti tahap akademik murid, memberi peluang pemilihan gaya pembelajaran, memberikan panduan, memberikan arahan mengikut tahap kandungan, menilai perkembangan murid, memilih bahan pengajaran yang sesuai, mencipta suasana pembelajaran yang menyokong, mengenal pasti keperluan murid dengan objektif pembelajaran, menggunakan strategi pembelajaran terbeza dan mampu bekerjasama dengan rakan sekerja. Jika diteliti secara mendalam, data kekerapan yang diperolehi merupakan sokongan positif kepada guru prasekolah dalam melaksanakan pendekatan pembelajaran terbeza dan telah memberi gambaran yang baik terhadap kesediaan dan kemahiran guru prasekolah dalam konteks ini.

Jadual 4 Keputusan Min dan Sisihan Piawai Tahap Kemahiran Guru Prasekolah Dalam Melaksanakan Pendekatan Pembelajaran Terbeza

Item	N	Skor Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Saya mahir merancang aktiviti pembelajaran yang berbeza mengikut keperluan murid.	45	4.04	0.737	Tinggi
Saya mahir untuk mengenal pasti tahap akademik murid sebelum menjalankan pendekatan pembelajaran terbeza.	45	4.27	0.539	Tinggi
Saya memberi peluang kepada murid untuk memilih gaya pembelajaran yang diminati.	45	4.02	0.812	Tinggi
Saya mahir untuk memberikan panduan kepada murid semasa menjalankan aktiviti bagi menunjukkan penguasaan terhadap topik.	45	4.18	0.490	Tinggi
Saya mahir untuk memberikan arahan kepada murid mengikut tahap kandungan yang diberikan.	45	4.22	0.517	Tinggi
Saya mahir menilai perkembangan murid yang berbeza.	45	4.18	0.535	Tinggi
Saya mahir memilih bahan pengajaran yang bersesuaian dengan kandungan bagi melaksanakan pendekatan pembelajaran terbeza.	45	4.20	0.548	Tinggi
Saya mahir mewujudkan suasana persekitaran pembelajaran yang dapat menyokong pendekatan pembelajaran terbeza.	45	3.98	0.723	Tinggi
Saya mahir mengenal pasti keperluan murid dengan objektif pembelajaran sebelum aktiviti pembelajaran dijalankan.	45	4.18	0.490	Tinggi
Saya mahir menggunakan strategi pembelajaran terbeza (contoh: pembelajaran koperatif, pembelajaran berdasarkan projek)	45	4.09	0.596	Tinggi
Saya mahir menggunakan kaedah pentaksiran untuk mengenal pasti perkembangan semasa menjalankan pendekatan pembelajaran terbeza.	45	4.20	0.548	Tinggi
Saya mampu bekerjasama dengan rakan sekerja untuk bertukar idea bagi melaksanakan pendekatan pembelajaran terbeza.	45	4.20	0.548	Tinggi

Berdasarkan Jadual 4, tahap kemahiran guru prasekolah dalam melaksanakan pendekatan pembelajaran terbeza di daerah Beluran, Sabah secara keseluruhannya data menunjukkan bahawa tahap kemahiran guru prasekolah adalah berada di tahap yang tinggi ($\text{min}=3.98$: $\text{sp}=0.812$). Tahap kemahiran yang tinggi ini menunjukkan guru-guru prasekolah di daerah Beluran, Sabah memiliki kebolehan dan kecekapan yang baik dalam menjalankan pendekatan pembelajaran terbeza. Nilai min tersebut adalah nilai skor min yang terendah manakala nilai sisihan piawai adalah nilai yang paling tinggi. Secara statistiknya, nilai skor min yang rendah dan nilai sisihan piawai yang paling tinggi memaparkan variasi dan konsistensi yang signifikan berkaitan dengan kemampuan guru untuk mengaplikasikan pendekatan pembelajaran terbeza.

Jadual 5 Keputusan ujian kolerasi Pearson (r) antara tahap pengetahuan dan tahap kemahiran guru prasekolah dalam melaksanakan pendekatan pembelajaran terbeza

Pemboleh Ubah	Pendekatan Pembelajaran Terbeza	
Tahap Pengetahuan	<i>Pekali Pearson (r)</i>	0.524
Tahap Kemahiran	Signifikan	0.001
	N	45

Jadual 6 Keputusan ujian kolerasi Pearson (r) antara tahap pengetahuan dan tahap kemahiran guru prasekolah dalam melaksanakan pendekatan pembelajaran terbeza

Hipotesis	Nilai Pekali Kolerasi (r) Signifikan (p)	Keputusan Analisis
Hipotesis Nol (H_0) Tidak terdapat hubungan signifikan antara tahap pengetahuan dengan kemahiran guru prasekolah dalam melaksanakan pendekatan pembelajaran terbeza.	$r=0.524$ $p<0.01$	Hipotesis Nol ditolak kerana terdapat hubungan yang sederhana positif antara tahap pengetahuan dengan dan kemahiran guru prasekolah dalam melaksanakan pendekatan pembelajaran terbeza.

Berdasarkan Jadual 5 dan Jadual 6 data menunjukkan bahawa keputusan diterima berdasarkan hasil daripada nilai p iaitu jika $p < 0.05$, maka H_0 ditolak manakala jika $p \geq 0.05$, H_0 diterima. Oleh yang demikian, dalam konteks kajian ini memandangkan nilai p adalah 0.001 maka H_0 ditolak. Selain itu, analisis kolerasi dilakukan adalah untuk mengenal pasti sejauh manakah pemboleh ubah yang dinyatakan dapat mewujudkan hubungan yang signifikan dalam konteks melaksanakan pendekatan pembelajaran terbeza. Jika dilihat pada nilai kolerasi pearson antara tahap pengetahuan dan tahap kemahiran guru prasekolah adalah 0.524 . Hal ini menggambarkan ujian kolerasi *Pearson* yang dilaksanakan telah menghasilkan keputusan bahawa terdapat hubungan positif antara tahap pengetahuan guru prasekolah dengan tahap kemahiran khususnya dalam menjalankan pendekatan pembelajaran terbeza.

PERBINCANGAN

Dalam konteks ini, tahap pengetahuan guru prasekolah yang tinggi menggambarkan bahawa guru-guru prasekolah memiliki pemahaman yang kukuh dengan memahami konsep dan strategi pelaksanaan pendekatan pembelajaran terbeza. Lebih tepat lagi, guru-guru prasekolah memiliki kesedaran terhadap kepentingan menjalankan pendekatan pembelajaran terbeza kerana pendekatan ini dapat menampung keperluan pembelajaran murid-murid prasekolah yang berbeza. Oleh kerana itu, nilai tinggi bagi tahap pengetahuan guru prasekolah menjadi bukti yang mencerminkan ilmu berkaitan pendekatan pembelajaran terbeza dapat difahami dengan baik. Selaras dengan dapatan kajian oleh Safiek Mokhlis

(2021), yang menjalankan kajian persepsi dan pelaksanaan pendekatan pengajaran terbeza dalam kalangan guru prasekolah telah menunjukkan hasil analisis bahawa tahap persepsi guru prasekolah terhadap kepentingan pengajaran terbeza adalah di tahap yang tinggi. Namun begitu, dari aspek pelaksanaan pengajaran terbeza masih berada di tahap yang sederhana.

Tahap pengetahuan guru prasekolah yang tinggi turut membuka kepada pembahasan mengenai cabaran dan peluang dalam melaksanakan pendekatan pembelajaran terbeza. Tahap pengetahuan guru prasekolah yang tinggi merupakan pencapaian yang membanggakan namun begitu, perlu diketahui bahawa cabaran untuk melaksanakan pendekatan pembelajaran terbeza ini sentiasa wujud dan memerlukan usaha yang berterusan serta konsisten dalam meningkatkan tahap pengetahuan guru prasekolah supaya sentiasa kekal berada di tahap yang tinggi. Dapat kajian oleh Torbeyns et al. (2019), mendapatkan bahawa pengetahuan terhadap kandungan pembelajaran dapat ditingkatkan sepanjang mereka mengikuti latihan.

Dalam pada itu, tahap kemahiran guru prasekolah dalam melaksanakan pendekatan pembelajaran terbeza adalah merangkumi kemampuan mereka untuk memberikan sokongan dan dorongan kepada murid prasekolah. Kemahiran yang dimiliki oleh guru prasekolah tidak hanya tertumpu dalam penguasaan konsep dan teori pembelajaran semata-mata bahkan kemahiran adalah kebolehan yang digunakan dengan praktikal untuk membimbang dan menyokong murid-murid prasekolah menonjolkan potensi dalam diri mereka. Tambahan pula, guru prasekolah mempunyai kecekapan dalam mengurus serta memimpin sepanjang aktiviti pembelajaran dijalankan. Hal ini menjadi bukti bagaimana kebolehan guru-guru prasekolah dalam bertindak balas terhadap dinamik bilik darjah yang perlu dikawal dengan sebaik mungkin. Kajian oleh Tripathi (2019), mendapatkan bahawa persekitaran pembelajaran yang positif dan menyokong kepada perkembangan pembelajaran murid dapat diwujudkan dengan adanya sokongan daripada guru.

Tahap kemahiran guru prasekolah yang tinggi membuktikan bahawa guru-guru prasekolah mempunyai kecekapan untuk menjalankan pendekatan pembelajaran terbeza dalam amalan pengajaran di prasekolah. Hal ini berlaku kerana, guru-guru prasekolah memiliki kemampuan untuk merancang dan menjalankan aktiviti pembelajaran yang disesuaikan dengan keperluan pembelajaran murid prasekolah yang berbeza. Dapat kajian oleh Safiek Mokhlis (2021), mendapatkan bahawa dengan melakukan pengubahsuaian tertentu dalam pembelajaran, guru dapat mencipta pembelajaran yang lebih fleksibel sekaligus berupaya untuk menambah baik amalan pengajaran di kelas.

Menurut Kangas (2017), mendapatkan bahawa penglibatan guru secara aktif dalam pembelajaran bersama murid dapat melahirkan impak positif dalam persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan. Jika disedari, secara tidak langsung situasi sedemikian dapat melahirkan minat dan menjadi pemangkin kepada pembentukan motivasi belajar yang tinggi dalam kalangan murid prasekolah. Lanjutan daripada itu, guru yang mahir dalam menjalankan pendekatan pembelajaran terbeza mampu membantu murid-murid prasekolah dalam mengembangkan kemahiran sosial yang mendorong murid untuk berinteraksi serta berkomunikasi bersama guru dan rakan-rakannya.

Aspek pengetahuan dan kemahiran adalah saling berkait rapat dan mempunyai potensi untuk memberi pengaruh terhadap pelaksanaan pendekatan pembelajaran terbeza. Oleh yang demikian, dengan adanya hubungan antara tahap pengetahuan dan tahap kemahiran yang signifikan dalam melaksanakan pendekatan pembelajaran terbeza maka guru prasekolah dapat memahami dan menyediakan pembelajaran yang mampu menyokong kepada keperluan perkembangan murid-murid prasekolah yang unik. Hal ini menjelaskan bahawa memahami kepelbagai, keistimewaan dan kebolehan yang terdapat dalam diri setiap murid prasekolah. Sehubungan dengan itu, jika setiap peningkatan berlaku pada secara sederhana pada tahap pengetahuan dan peningkatan sederhana juga berlaku pada tahap kemahiran guru prasekolah untuk menjalankan pendekatan pembelajaran terbeza. Kajian oleh Anesty (2022), mendapatkan bahawa guru prasekolah memerlukan pelaksanaan pembangunan profesional seperti program latihan dan pembangunan guru prasekolah agar guru dapat meningkatkan kepakaran mereka khususnya dalam menjalankan pendekatan pembelajaran terbeza yang membolehkan mereka untuk menyokong keperluan pembelajaran yang pelbagai.

Sehubungan dengan itu, pengetahuan yang baik sudah tentu membantu guru untuk memperolehi pemahaman yang kukuh dan pemahaman tersebut menyokong kemahiran praktikal guru menjadi lebih cekap serta mahir untuk melaksanakan pendekatan pembelajaran terbeza. Faktor seperti sokongan daripada pihak sekolah atau institusi pendidikan yang berkenaan adalah menentukan dan mengukuhkan lagi pengetahuan dan kemahiran guru prasekolah.

Kajian oleh Johansson dan Moss (2012), mendapati bahawa sokongan daripada pihak sekolah dan institusi pendidikan yang berkaitan memainkan peranan penting dalam menyediakan persekitaran yang kondusif bagi meningkatkan pengetahuan guru. Kedua-dua aspek ini adalah saling berkait rapat dalam memastikan kesinambungan tersebut dapat digunakan dengan tujuan melaksanakan pendekatan pembelajaran terbeza. Walau bagaimanapun, terdapat cabaran yang dihadapi oleh guru prasekolah dalam menjalankan pendekatan pembelajaran terbeza. Misalnya, guru berdepan dengan kekangan sumber yang dapat menyediakan bahan dan latihan bagi tujuan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam kalangan guru prasekolah. Oleh hal yang demikian, cabaran ini perlu diatasi dengan segera. Memandangkan hubungan signifikan antara tahap pengetahuan dan tahap kemahiran guru prasekolah adalah sederhana positif maka latihan dan bimbingan daripada pakar-pakar pendidikan amat diperlukan agar peningkatan profesionalisme guru-guru prasekolah dapat ditingkatkan. Dapatkan kajian oleh Lin (2021), mendapati bahawa terdapat keperluan untuk menyediakan program latihan yang komprehensif dan praktikal kepada guru prasekolah bagi meningkatkan pengetahuan terhadap pelaksanaan pendekatan pembelajaran terbeza.

IMPLIKASI KAJIAN

Pendekatan pembelajaran terbeza dapat dilaksanakan dengan baik selaras dengan matlamat yang dihasratkan oleh pihak KPM. Tahap pengetahuan dan tahap kemahiran yang tinggi membuktikan bahawa guru-guru prasekolah bersedia untuk menjayakan pelaksanaan pendekatan pembelajaran terbeza ini khususnya dalam menyampaikan pengajaran kepada murid-murid yang mempunyai kepelbagai dan keperluan yang berbeza. Kajian ini telah memberi impak kepada KPM untuk merancang program-program seperti latihan, kursus atau bengkel yang bersesuaian kepada guru prasekolah sebagai salah satu bentuk usaha pihak KPM membantu guru-guru prasekolah ini memartabatkan nilai profesionalisme dengan pengetahuan dan kemahiran pendekatan pembelajaran terbeza yang kukuh. Selain itu, kajian ini membuka kesedaran yang tinggi mengenai peranan pihak Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) juga dengan menjalankan pemantauan bagi melakukan penilaian terhadap sejauh manakah keberkesanan pendekatan pembelajaran terbeza ini telah membawa perubahan yang positif dalam landskap sistem pendidikan khususnya pendidikan prasekolah.

Kajian ini dapat memberi kesan yang positif dengan menyampaikan maklumat yang berguna kepada pihak sekolah agar mengusahakan penyediaan kemudahan dan sokongan seperti kelengkapan infrastruktur demi memastikan persekitaran pembelajaran kondusif dapat diwujudkan. Persekitaran pembelajaran yang kondusif adalah sebahagian daripada elemen yang pendekatan pembelajaran terbeza yang mementingkan persekitaran kelas prasekolah bersifat inklusif dan memenuhi kepelbagai yang berbeza. Di samping itu, kesedaran yang tinggi terhadap kepentingan pelaksanaan pendekatan pembelajaran terbeza ini dapat mendorong guru untuk sentiasa berusaha meningkatkan tahap pengetahuan dan kemahiran secara berterusan. Hal ini juga menjadi permulaan kepada pemupukan budaya pendidikan sepanjang hayat demi meningkatkan nilai dan kualiti profesi perguruan ini. Guru prasekolah haruslah menggunakan dapatan kajian yang ada sebagai panduan untuk meningkatkan kualiti pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc).

Begitu juga dengan penglibatan ibu bapa adalah strategi yang paling berkesan untuk mencapai perkembangan yang holistik dalam diri setiap murid. Dengan itu, ibu bapa sudah tentu dapat memahami dan menghargai kepentingan pendekatan pembelajaran terbeza yang menjadi kunci dalam pencapaian pembangunan juga kemajuan murid tersebut. Hal ini sekaligus menggalakkan ibu bapa untuk mengambil bahagian dalam aktiviti sokongan bersama kanak-kanak di rumah untuk memantapkan lagi proses pembelajaran kanak-kanak.

Kajian ini dapat memberikan manfaat kepada murid prasekolah dengan adanya pelaksanaan pendekatan pembelajaran terbeza. Hal ini demikian kerana, murid-murid prasekolah dapat memperolehi pengalaman pembelajaran yang bermakna dan lebih menyeluruh mengikut kesesuaian keperluan gaya pembelajaran mereka. Pendekatan pembelajaran terbeza ini adalah pendekatan yang adil agar semua murid mendapat hak yang sama untuk mengikuti pembelajaran di sekolah walaupun terdapat perbezaan dari pelbagai aspek. Pendekatan ini juga dapat menarik minat dan perhatian murid untuk melibatkan diri secara aktif semasa aktiviti pembelajaran dijalankan. Oleh itu, minat, bakat dan potensi yang ada

pada diri setiap murid adalah diberi perhatian supaya boleh disesuaikan mengikut keperluan diri mereka.

KESIMPULAN

Hasil kajian ini telah berjaya menjawab persoalan-persoalan kajian yang diutarakan dalam kajian ini. Dengan itu, objektif kajian ini juga berjaya dicapai dengan mengemukakan dapatan kajian berserta fakta dan huraian agar dapat memberi pemahaman yang baik kepada pembaca. Tahap pengetahuan dan tahap kemahiran guru prasekolah dalam melaksanakan pendekatan pembelajaran terbeza di daerah Beluran, Sabah adalah berada pada tahap yang tinggi. Kesediaan dari aspek pengetahuan dan kemahiran jelas menunjukkan kesungguhan guru-guru prasekolah untuk menambahkan ilmu pengetahuan dan kemahiran agar semua murid prasekolah dapat mengikuti aktiviti pembelajaran yang berkonsepkan pendekatan pembelajaran terbeza.

RUJUKAN

- Anesty, E., Fatihaturrosyidah, F., & Putra, J. (2022). Knowledge and Ability of Early Childhood Teachers in Delivering Career Guidance to Preschoolers. *Professional Guidance and Counseling Journal*, 3 (1), 10-22.
- Bondie, R. S., Dahnke, C., & Zusho, A. (2019). How Does Changing “One-Size-Fits-All” to Differentiated Instruction Affect Teaching. *Review of Research in Education*, 43 (1), 336-362.
- Baharudin, M. A., & Ibrahim, M. A. (2020). Kesediaan Pelaksanaan Pengajaran Abad ke 21 dalam Kalangan Guru Pelatih Sejarah IPG Zon Selatan. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial*, 2 (5), 32–42.
- Jaafar, H. H., & Said, M. H. M. (2019). Inovasi Pengajaran Untuk Menarik Minat Pelajar Menguasai Ilmu Tajwid. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 1(6), 8-17.
- Johansson, I., & Moss, P. (2012). Re-Forming the School: Taking Swedish Lessons. *Children & Society*, 26 (1), 25-36.
- Kangas, M., Siklander, P., Randolph, J., & Ruokamo, H. (2017). Teachers' Engagement and Students' Satisfaction with a Playful Learning Environment. *Teaching and Teacher Education*, 63, 274-284.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013- 2025. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Sulaiman, M., & Wok, W. C. (2018). Tinjauan Tentang Pengetahuan Dan Penerimaan Terhadap Pengajaran Berbeza dalam Kalangan Siswa Pendidik Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan. Prosiding Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam, 283-294.
- National Association for the Education of Young Children (2009). Developmentally Appropriate Practice in Early Childhood Programs Serving Children from Birth Through Age 8. Position Statement, 1-31.
- Nuraishatun, M. A., Zamri, M., Siti, F. M., & Norsika, H. S. (2019). Pelaksanaan Modul Pedagogi Terbeza Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu. Prosiding Seminar Kebangsaan Pendidikan Negara (SKEPEN) Ke-6, 1450-1465.
- Mokhlis, S. (2021). Persepsi dan Pelaksanaan Pendekatan Pengajaran Terbeza dalam Kalangan Guru Prasekolah: Satu Tinjauan Awal. *Borneo International Journal*, 4 (3), 9-18.
- Tripathi, P. (2019). Positive and Supportive Teacher Student Relationship. *Think India*, 22 (4), 2665-2673.
- Torbeyns, J., Verbruggen, S., & Depaepe, F. (2020). Pedagogical Content Knowledge in Preservice Preschool Teachers and Its Association with Opportunities to Learn During Teacher Training. *ZDM - Mathematics Education*, 52, 269-280.
- Vijayan, S. S. G. & Nasri, N. M. (2022). Implementation of Learning and Facilitation of Differentiated Learning Approach for Primary School. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 84-97.
- Mustaffa, Z., Hussin, Z., & Sulaiman, A. M. (2021). Pedagogi terbeza untuk Pengajaran Guru Terhadap Kepelbagaiannya Murid. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 6 (9), 202-214.